A

PP

lwn.

ABD HALIM MARSIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-66 & 70-2003 (3)]
3 MEI 2007

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar dadah bahaya cannabis - Bukti - Bungkusan dijumpai di dalam kereta yang dinaiki oleh OKT dan dua orang lagi - Milikan - Sama ada OKT mempunyai milikan eksklusif terhadap bungkusan tersebut - Sama ada keterangan pendakwaan cukup*
D *untuk membuat inferen terhadap tertuduh - Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen mental berhubung milikan dadah oleh OKT - Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT*

E ***KETERANGAN:*** *Keterangan mengikut keadaan - Sama ada boleh diterima sepenuhnya - Sama ada tidak selamat untuk menerima keterangan saksi SP12 tanpa keterangan bebas mengenai penglibatan OKT - Sama ada keterangan bebas diperlukan untuk mengelakkan berlakunya prejudis terhadap OKT - Prinsip keadilan - Sama ada*
F *menghendaki budibicara dilaksanakan untuk mengenepikan keterangan berkenaan - Kegagalan memanggil saksi material - Sama ada mewujudkan kekosongan (gap) dalam kes pendakwaan - Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap OKT*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 -*
G *Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar dadah bahaya cannabis –Dadah dijumpai ditanam di kawasan belukar - Milikan - Sama ada OKT mempunyai milikan eksklusif terhadap dadah tersebut - Sama ada keterangan hanya dapat menunjukkan bahawa OKT mempunyai pengetahuan bahawa dadah tersebut ditanam di tempat itu tetapi tidak*
H *membuktikan bahawa beliau adalah orang yang menanamnya - Sama ada OKT mempunyai jagaan dan kawalan terhadap dadah tersebut - Sama ada keterangan pendakwaan cukup untuk membuat inferen terhadap tertuduh - Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen mental berhubung milikan dadah oleh OKT - Sama ada*
I *pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT*

KETERANGAN: *Saksi - Saksi material - Kegagalan memanggil saksi material - Akta Keterangan 1950, s. 32(1)(i) - Dakwaan bahawa OKT telah memberi maklumat kepada Inspektor Polis Saiful Azman (saksi tersebut) mengenai ganja yang ditanam di sesuatu kawasan - Sama ada usaha telah diambil untuk mengesan saksi tersebut - Sama ada keterangan boleh diterima masuk - Sama ada saksi tersebut telah menulis/merekodkan maklumat yang disampaikan oleh OKT - Sama ada terdapat keraguan mengenai maklumat - Sama ada maklumat tersebut gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan*

KETERANGAN: *Kemasukan pernyataan dalam keterangan - Sama ada OKT telah diberi amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 sebelum memberi pernyataan/maklumat - Sama ada terdapat catatan bahawa amaran diterang, dijelaskan dan difahamkan oleh OKT - Sama ada mahkamah berpuashati bahawa penjelasan dan penerangan amaran telah diberikan - Sama ada wujudnya bukti bahawa OKT mempunyai milikan terhadap dadah tersebut - Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap OKT*

Tertuduh ('OKT') dituduh dengan dua pertuduhan yang berasingan bagi kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dadah berbahaya yang menjadi hal perkara dalam kedua-dua kes ini telah dijumpai di dua tempat yang berasingan, iaitu 4929.5 gram cannabis yang dijumpai di dalam kereta yang ditahan oleh pihak polis di Kilometer 20, Jalan Kota Tinggi-Kulai (pertuduhan pertama) sementara 19,322.9 gram cannabis pula dijumpai di kawasan belukar Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi Johor (pertuduhan kedua). Walaupun timbalan pendakwaraya mengakui bahawa kedua-dua kesalahan itu dilakukan di dua tempat yang berlainan, namun mahkamah berpandangan bahawa kedua-dua tempat tersebut mempunyai hubungkait antara satu sama lain. Adalah menjadi kes pihak pendakwaan bahawa dadah berbahaya yang menjadi perkara dalam pertuduhan kedua adalah ditemui berdasarkan kepada maklumat yang dikatakan diberi oleh OKT apabila disoal siasat oleh pihak polis selepas penangkapan terhadap OKT dibuat berhubung dengan kesalahan yang menjadi hal pertuduhan pertama. Adalah jelas bahawa terdapat kesinambungan atau keberterusan tindakan dan kesamaan tujuan atau niat yang membentuk transaksi yang sama dalam kedua-dua pertuduhan terhadap OKT. Keterangan untuk membuktikan pertuduhan pertama akan dikemukakan terlebih dahulu dan diikuti oleh keterangan bagi membuktikan pertuduhan kedua. Dalam memastikan perkara ini, mahkamah telah

mengarahkan supaya kes MT(3) 45-70-2003 dijadikan kes pertama dan kes MT(3) 45-66-2003 dijadikan kes kedua dalam perbicaraan bersama ini. Isu undang-undang yang perlu diputuskan bagi menentukan sama ada kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan berdasarkan fakta yang terdapat dalam kes pertama tersebut adalah (i) sama ada OKT mempunyai milikan terhadap beg berwarna coklat (eks. P14) yang mengandungi lima bungkusan (eks. P19A-E) yang disahkan sebagai cannabis, (ii) sama ada keterangan pemandu kereta yang ditahan (SP12) boleh diterima dan (iii) sama ada kegagalan pihak pendakwaan memanggil satu Aliman Mujayin untuk memberi keterangan di mahkamah mencacatkan kes pihak pendakwaan. Seterusnya, dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dalam kes kedua , isu-isu yang perlu diputuskan adalah: (a) sama ada maklumat yang dikatakan telah diberikan oleh OKT kepada polis di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 telah dibuktikan dan (b) sama ada pernyataan yang diberikan oleh OKT kepada ASP Wan Mazlan Wan Hassan (SP11) selepas amaran diberikan kepadanya di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 boleh diterima masuk sebagai keterangan.

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan OKT bagi kedua-dua kes):

(1) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan sebenar terhadap dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. Ini adalah kerana di dalam kereta tersebut terdapat tiga orang iaitu Noorheysham Ismail (SP12) sebagai pemandu, OKT yang duduk di kerusi penumpang hadapan sebelah pemandu dan Aliman Mujayin yang duduk di kerusi penumpang belakang kereta tersebut. Adalah tidak dipertikaikan bahawa eks. P14 dijumpai oleh Kpl Zainuddin Hamid (SP5) di sebelah kiri kerusi penumpang belakang kereta berhampiran dengan Aliman Mujayin sementara OKT pula berada di kerusi penumpang hadapan sebelah pemandu. Dalam keadaan sedemikian, OKT tidak mempunyai milikan ekslusif terhadap eks. P14 tersebut. Tidak terdapat keterangan yang boleh dibuat inferen bahawa OKT mengetahui kandungan eks. P14. Oleh itu mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen mental berhubung milikan dadah ganja oleh OKT. (perenggan 21)

(2) Walaupun terdapat keterangan ikut keadaan mengenai penglibatan SP12 dalam kes ini, namun mahkamah berpendapat bahawa SP12 bukanlah merupakan seorang rakan jenayah. Keputusan itu, walau bagaimanapun, tidak bermakna keterangan SP12 boleh diterima oleh mahkamah sepenuhnya. Berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, keterangannya perlu diteliti secara berhati-hati kerana terdapat motif tertentu apabila dia memberi keterangan terhadap OKT. Terdapat perkiraan (arrangements) tertentu antara beliau dan pihak polis. Adalah tidak selamat untuk menerima keterangan SP12 tanpa apa-apa keterangan bebas yang boleh mengesah atau menyokong keterangannya mengenai penglibatan OKT dalam kes ini. Untuk mengelakkan apa-apa kekeliruan yang mungkin timbul, keterangan sokongan ini diperlukan bukanlah kerana kehendak undang-undang tetapi sebagai tindakan berhemah mahkamah untuk mengelakkan keterangan yang memberi prejudis terhadap OKT diterima masuk tanpa pengesahan dan sokongan keterangan bebas yang lain. Memandangkan tidak terdapat keterangan sokongan bebas bagi mengesahkan keterangan SP12 mengenai fakta bahawa OKT seorang sahaja yang keluar daripada kereta di suatu kawasan di Kampung Semanggar Dalam dan kemudian kembali dengan membawa beg (eks. P14) dan meletakkannya dalam kereta, mahkamah memutuskan bahawa budibicara hendaklah dilaksanakan untuk menolak keterangan tersebut. Prinsip keadilan (the principle of fairness) menghendaki budibicara dilaksanakan untuk mengenepikan keterangan berkenaan. (perenggan 28, 30, 31)

(3) Mahkamah telah memberi pertimbangan bahawa cara bagaimana pihak pendakwaan mengendalikan kesnya adalah merupakan budibicara mutlak Timbalan Pendakwaraya. Walaubagaimanapun, adalah menjadi tugas pihak pendakwaan untuk mengemukakan kepada mahkamah semua material dan keterangan yang relevan berhubung dengan perkara atau isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah. Kegagalan untuk memanggil saksi yang material, iaitu Aliman Mujayin dalam kes ini telah mewujudkan kekosongan (gap) dalam kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan juga tidak menjelaskan kepada mahkamah mengapakah pernyataan Aliman Mujayin yang terdapat dalam rakaman percakapannya tidak boleh diyakini sehingga mewajarkan beliau tidak

dipanggil untuk memberi keterangan di Mahkamah. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dalam kes pertama. Oleh itu OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. (perenggan 36, 38)

(4) Maklumat yang diberi kepada satu Inspektor Saiful Azman mengenai ganja yang ditanam di kawasan belukar Kampung Semanggar Dalam telah tidak dapat dibuktikan. Pihak pendakwaan tidak memanggil Insp. Saiful Azman untuk memberi keterangan di mahkamah. Mahkamah telah meneliti peruntukan s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 dan berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk menunjukkan bahawa usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah diambil untuk mengesan saksi ini. Tindakan menghantar signal ke balai polis berdekatan dengan alamat kediaman saksi ini tanpa dibuktikan usaha dan ikhtiar lain telah diambil tidaklah memadai bagi membolehkan pernyataan yang dirakamkan di bawah s. 112 KAJ diterima masuk sebagai keterangan di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. (perenggan 42 & 43)

(4a) Adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukan daripada saksi-saksi pihak pendakwaan perkataan sebenar yang digunakan oleh OKT apabila maklumat itu disampaikan kepada pihak polis yang membawa kepada penemuan ganja di Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi. Mahkamah juga perlu memastikan sama ada Insp. Saiful Azman telah menulis atau merekodkan maklumat itu berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang digunakan oleh OKT atau menggunakan perkataannya sendiri. Ini adalah penting kerana jika terdapat apa-apa keraguan mengenai maklumat tersebut, manfaatnya hendaklah diberikan kepada OKT. Mahkamah memutuskan bahawa maklumat tersebut telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. (perenggan 45 & 46)

(5) Mengikut SP11, OKT ada memberi pernyataan/maklumat kepadanya dan sebelum pernyataan atau maklumat itu disampaikan, beliau telah memberi amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 di atas sehelai kertas (eks. P32) terlebih dahulu sebelum beliau membacakannya kepada OKT. Keterangan SP11 mengenai perkara ini hendaklah diteliti bersama-sama dengan eks. P32. Walaupun terdapat tandatangan OKT di atas eks. P32 tetapi tidak

terdapat catatan di mana-mana dalam eks. P32 itu bahawa amaran itu telah diterang dan dijelaskan kepada OKT dan sama ada OKT memahaminya. Mahkamah tidak berpuashati bahawa penjelasan dan penerangan amaran itu telah diberikan kepada OKT sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Mahkamah berpendapat bahawa kehendak untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada OKT sehingga memahami implikasi dan amaran itu adalah penting kerana sekiranya kehendak itu tidak diberi penekanan, mana –mana pegawai polis boleh datang dan memberi keterangan dalam mahkamah bahawa beliau telah membaca amaran yang ditetapkan dalam statut dan dengan demikian keterangannya mengenai amaran itu boleh diterima oleh mahkamah tanpa apa-apa kecacatan. Hak untuk berdiam diri atau perlindungan terhadap inkriminasi diri (self incrimination) yang dikanunkan dalam amaran statutori itu hendaklah dijelaskan dan diterangkan dan difahami sepenuhnya oleh OKT yang kebanyakannya tidak berapa memahami undang-undang. Adalah munasabah untuk dinyatakan bahawa seseorang OKT tidak akan dengan secara sukarela memberi pernyataan yang boleh membabitkan dirinya dengan suatu kesalahan terutama kesalahan yang membawa hukuman mati seperti kesalahan pengedaran dadah melainkan beliau benar- benar insaf dan bertaubat terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Oleh itu OKT perlu dibuktikan telah memahami amaran berkenaan sebelum keterangan itu dapat diterima masuk sebagai keterangan. (perenggan 50, 51 & 52)

(6) Sekiranya pernyataan OKT tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan sekali pun, ia tidak boleh membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan terhadap dadah tersebut. Mengikut keterangan SP11, OKT membawa pasukan polis ke tempat di mana dadah itu ditanam di Kampung Semanggar Dalam dan apabila sampai di tempat berkenaan, OKT menunjukkan tempat itu dan berkata 'Di Sini.' Keterangan tersebut hanya dapat menunjukkan bahawa OKT mempunyai pengetahuan bahawa ganja tersebut ditanam di tempat itu tetapi tidak membuktikan bahawa dia adalah orang yang menanamnya dan mempunyai jagaan dan kawalan terhadap dadah itu. Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dalam kes kedua. Oleh itu, OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. (perenggan 53 & 56)

Case(s) referred to:

Abdullah Zawawi lwn. PP [1985] 2 MLJ 16 ***(dirujuk)***
Amrita Lal Hazra lwn. Emperor 42 Cal 957 ***(dirujuk)***
Bhagirath v. State of MP AIR [1959] MP 17 ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon lwn. PP [1956] MLJ 237 ***(dirujuk)***
Francis Antonysamy lwn. PP [2005] 2 CLJ 481 ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang lwn. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Kan Sik Fong lwn. PP [1961] 1 MLJ 163 ***(dirujuk)***
Lim Ah Oh & Anor lwn. R [1950] MLJ 269 ***(dirujuk)***
Ng Kok Lian lwn. PP [1983] 2 CLJ 247; [1983] CLJ (Rep) 293 FC ***(dirujuk)***
Noor Mohamed lwn. The King [1949] AC 182 ***(dirujuk)***
PP lwn. Badrulsham Baharom [1988] 2 MLJ 585 ***(dirujuk)***
PP lwn. Chow Kam Meng [2001] 7 CLJ 387 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Hj Kassim [1971] 2 MLJ 11 ***(dirujuk)***
PP lwn. Kasmin Soeb [1074] 1 MLJ 230 ***(dirujuk)***
PP lwn. Lam Peng Hoa & Anor [1996] 3 CLJ 747 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohamed Nor Jantan [1979] 2 MLJ 289 ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 8 CLJ 814 ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP lwn. Muhamed Nasir Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576 ***(dirujuk)***
PP lwn. Norzilan Yaacob & Anor [1989] 1 CLJ 466; [1989] 2 CLJ (Rep) 345 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Poh Ah Kwang [2003] 2 CLJ 722 ***(dirujuk)***
PP lwn. Ridzuan Kok Abdullah [1957] 2 MLJ 745 ***(dirujuk)***
R lwn. Abbot [1955] 2 All ER 899 ***(dirujuk)***
Ramkishan Mithanlal Sharma & Ors v. State of Bombay AIR [1955] SC 104 ***(dirujuk)***
Rauf Hj Ahmad lwn. PP [1950] MLJ 190 ***(dirujuk)***
Shamsuddin Hassan & Anor lwn. PP [1991] 3 CLJ 2414; [1991] 1 CLJ (Rep) 428 SC ***(dirujuk)***
Sudam Chandra Baq lwn. Emperor AIR [1933] Cal 148 ***(dirujuk)***
Tengku Mahmood lwn. PP [1974] 1 MLJ 110 ***(dirujuk)***
Warner v. Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 112, 163, 165(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37A(1)(b), 37A(2), 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, ss. 27, 32(1)(i)
Penal Code, s. 411

Other source(s) referred to:

Law of Evidence (Vol 1) (New Edition - 1999), Madras Law Journal Office, ms 434

Bagi pihak tertuduh - Md Zahar Ngah; T/n Hazza & Md Zahar
Bagi pihak PP - Husmin Hussin; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh PK:

Latar Belakang

[1] Tertuduh, Abdul Halim bin Marsin ("OKT"), pada mulanya dipertuduh bersama-sama dengan dua orang yang lain, iaitu, Aliman bin Mujayin dan Noorheysham bin Ismail dalam MT(3) 45-70-2003 dengan berniat bersama mengedarkan dadah berbahaya, iaitu 4,929.5 gram cannabis, suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan yang dikatakan telah dilakukan pada 22 Oktober 2002, lebih kurang jam 2.30 petang di Kilometer 20, Jalan Kota Tinggi - Kulai, Kota Tinggi, Johor.

[2] Walau bagaimanapun, pada 22 March 2007, apabila kes ini mula dibicarakan, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, Encik Husmin bin Hussin, memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau telah diarahkan oleh Pendakwa Raya untuk menarik balik pertuduhan terhadap Aliman bin Mujayin dan Noorheysham bin Ismail. (Dalam kes MT(3) 45-70-2003, masing-masing dirujuk sebagai OKT2 dan OKT3). Berikutannya, mahkamah telah memerintahkan supaya OKT2 dan OKT3 dilepas dan dibebaskan.

[3] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana seterusnya memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihak pendakwaan berhasrat untuk meneruskan pendakwaan terhadap OKT berhubung dengan dua pertuduhan yang berasingan, iaitu satu pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dalam kes MT(3) 45-70-2003 dan satu pertuduhan lagi di bawah seksyen yang sama dalam kes MT(3) 45-66-2003. Beliau membuat permohonan kepada mahkamah supaya kedua-dua kes tersebut dibicarakan dalam satu perbicaraan kerana kedua-dua kesalahan tersebut dilakukan pada tarikh yang sama, iaitu 22 Oktober 2002. Menurut Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, walaupun tempat kesalahan-kesalahan berkenaan dilakukan adalah berasingan namun berpunca daripada satu peristiwa yang sama; saksi-saksi yang akan dipanggil oleh pihak

pendakwaan adalah saksi-saksi yang sama dan perbicaraan sedemikian tidak akan memudaratkan OKT. Encik Zahar Ngah, Peguambela yang bijaksana yang mewakili OKT tidak membantah permohonan tersebut.

[4] Mahkamah berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah membuat keputusan yang betul apabila mengemukakan dua pertuduhan yang berasingan terhadap OKT berdasarkan fakta yang terdapat dalam kes ini. Dadah berbahaya yang menjadi hal perkara dalam kedua-dua kes ini telah dijumpai di dua tempat yang berasingan, iaitu 4,929.5 gram cannabis dijumpai di dalam kereta yang ditahan oleh pihak polis di Kilometer 20, Jalan Kota Tinggi - Kulai, sementara 19,322.9 gram cannabis pula dijumpai di kawasan belukar, Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi, Johor. Oleh itu kesalahan berlainan telah dilakukan oleh OKT. Mengikut s. 163 Kanun Prosedur Jenayah (NMB Bab 6) ('KPJ'), setiap kesalahan yang berlainan hendaklah dinyatakan dalam pertuduhan yang berasingan. Ini bermakna tiap-tiap jumlah dadah berbahaya yang dijumpai di tempat berlainan hendaklah diletakkan dalam pertuduhan yang berasingan (lihat kes-kes *PP lwn. Norzilan bin Yaacob & Anor* [1989] 1 CLJ 466; [1989] 2 CLJ (Rep) 345 dan *PP lwn. Ridzuan Kok bin Abdullah* [1957] 2 MLJ 745). Walau bagaimanapun, mahkamah mempunyai budibicara sepenuhnya untuk memutuskan sama ada untuk membenarkan kedua-dua kesalahan tersebut dibicarakan dalam satu perbicaraan atau tidak pada masa pertuduhan itu dibuat.

[5] Selepas memberi pertimbangan kepada penghujahan yang dibuat oleh Pendakwa Raya yang bijaksana, mahkamah telah mengarahkan supaya kedua-dua pertuduhan dibicarakan dalam satu perbicaraan (perbicaraan bersama) kerana permohonan yang dibuat adalah memenuhi kehendak-kehendak yang diperuntukkan dalam subseksyen 165(1) KAJ. Subseksyen tersebut memperuntukkan bahawa dua atau lebih kesalahan yang dilakukan oleh OKT yang sama boleh dibicarakan bersama sekiranya perbuatan yang dilakukan itu adalah begitu berhubungkait sehingga membentuk satu transaksi yang sama. Dalam kes *Amrita Lal Hazra lwn. Emperor*, 42 Cal. 957, telah diputuskan bahawa tidak terdapat suatu rumusan tetap yang boleh dipakai dalam kesemua keadaan bagi menentukan sama ada dua atau lebih perbuatan membentuk transaksi yang sama. Walau bagaimanapun, sebagai suatu panduan, perkara yang perlu dipertimbangkan apabila menentukan persoalan

ini ialah: terdapat kedekatan masa, kedekatan tempat, kesinambungan tindakan dan kesinambungan tujuan atau rancangan. Dengan memakai panduan kes tersebut kepada fakta kes ini, kedudukannya adalah seperti yang berikut:

(i) Kedekatan masa

Daripada pertuduhan, ucapan pembukaan dan penghujahan Pendakwa Raya yang bijaksana adalah jelas bahawa kedua-dua kesalahan itu telah dilakukan pada tarikh yang sama, iaitu pada 22 Oktober 2003. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan masa selama beberapa jam di mana kesalahan dalam kes MT(3) 45-70-2003 dilakukan pada jam 2.30 petang sementara kesalahan dalam kes MT(3) 45-66-2003 pula dilakukan pada jam 7 petang. Perbezaan jam ini, pada pandangan mahkamah, tidaklah begitu jauh untuk menjadikan kedua-dua kesalahan itu tidak berhubungkait sehingga membentuk transaksi yang sama. Persamaan tujuan dan rancangan serta kesinambungan perbuatan adalah unsur-unsur yang lebih penting (*R lwn. Shahapurkar* 1 LR 30 Bom. 49).

(ii) Kedekatan tempat

Walaupun Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana mengakui bahawa kedua-dua kesalahan itu dilakukan di dua tempat yang berlainan, namun mahkamah berpandangan bahawa kedua-dua tempat tersebut mempunyai hubungkait antara satu sama lain. Adalah menjadi kes pihak pendakwaan bahawa dadah berbahaya yang dijumpai di dalam kereta di Kilometer 20 Jalan Kota Tinggi - Kulai (pertuduhan pertama) sebenarnya diambil oleh OKT dari suatu tempat di sekitar kawasan Kampung Semanggar Dalam di mana sejumlah dadah kemudiannya ditemui ditimbus di dalam tanah di kawasan tersebut (pertuduhan kedua).

(iii) Kesinambungan tindakan

Adalah menjadi kes pihak pendakwaan bahawa dadah berbahaya yang menjadi perkara dalam pertuduhan kedua adalah ditemui berdasarkan kepada maklumat yang dikatakan diberi oleh OKT apabila disoal siasat oleh pihak polis selepas penangkapan terhadap OKT dibuat berhubung dengan kesalahan yang menjadi hal pertuduhan pertama. Oleh itu ia berbangkit daripada transaksi dan peristiwa yang sama.

A (iv) Kesinambungan tujuan dan rancangan

Sekiranya kes pihak pendakwaan diterima mahkamah, adalah jelas bahawa terdapat kesinambungan atau keberterusan tindakan dan kesamaan tujuan atau niat yang membentuk
B transaksi yang sama dalam kedua-dua pertuduhan terhadap OKT. Dalam erti kata yang lain, pengedaran dadah cannabis seberat 4,929.5 gram dalam pertuduhan pertama berhubungkait dengan pengedaran dadah seberat 19,322.9 gram dalam pertuduhan kedua kerana kedua-duanya dilakukan dalam
C tempoh masa yang tidak begitu jauh, oleh OKT yang sama, dan di kawasan yang sama.

[6] Mahkamah juga telah memberi pertimbangan kepada persoalan sama ada perbicaraan bersama berdasarkan fakta yang terdapat dalam kes ini akan memudaratkan dan mengelirukan
D pembelaan OKT kerana beliau terpaksa menghadapi dua pertuduhan yang berasingan dan kemungkinan keterangan yang akan dikemukakan bagi membuktikan pertuduhan pertama akan mempengaruhi penilaian dan apresiasi keterangan oleh mahkamah dalam pertuduhan kedua. Mahkamah berpuashati bahawa keadaan
E sedemikian tidak berbangkit kerana keterangan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan, bergantung kepada kehadiran saksi-saksi, adalah berdasarkan urutan atau rentetan peristiwa yang berlaku satu persatu. Ini bermakna keterangan untuk membuktikan pertuduhan pertama akan dikemukakan terlebih dahulu dan diikuti
F oleh keterangan bagi membuktikan pertuduhan kedua. Dalam memastikan perkara ini, mahkamah telah mengarahkan supaya kes MT(3) 45-70-2003 dijadikan kes pertama dan kes MT(3) 45-66-2003 dijadikan kes kedua dalam perbicaraan bersama ini.

G **[7]** Timbalan Pendakwaraya juga memaklumkan kepada mahkamah bahawa saksi-saksi yang akan dipanggil adalah saksi-saksi yang sama dan dengan demikian dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan semua pihak yang terlibat dalam kes ini.

H **Pertuduhan**

[8] Pertuduhan-pertuduhan pindaan terhadap OKT adalah seperti yang berikut:

I

Kes Pertama

Bahawa kamu pada 22.10.2002, jam lebih kurang 2.30 petang, di KM 20, Jalan Kota Tinggi - Kulai, dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 4,929.5 gram Cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Kes Kedua

Bahawa kamu pada 22 Oktober 2002, jam lebih kurang 7.00 petang, di kawasan belukar, Kampung Semanggar, di dalam daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis iaitu 19322.9 gram dan dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[9] Kedua-dua pertuduhan pindaan telah dibaca dan diterangkan kepada OKT dan beliau minta supaya kedua-dua pertuduhan tersebut dibicarakan.

Kes Pendakwaan Dalam Kes Pertama

[10] Kes pertama pihak pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti yang berikut:

10.1 Pada 22 Oktober 2002, Kpl. Zainuddin Hamid (SP5), telah diarahkan oleh Ketua Trafik Daerah Kota Tinggi, C/Insp. Niza, untuk membuat tugasan rondaan trafik dan lalu lintas di Kilometer 20, Jalan Kota Tinggi - Kulai. Terdapat enam orang anggota polis yang terlibat termasuklah L/Kpl. Zainuddin Ali (SP7). Mereka menempatkan diri di dua kedudukan di jalan tersebut iaitu di Point A dan Point B (lihat rajah kasar (eks. P34 dan P34K)). Jarak antara Point A dan Point B ialah lebih kurang 500 meter. SP7 berada di Point A bersama beberapa anggota polis trafik sementara SP5 pula berada di Point B bersama beberapa anggota polis trafik yang lain. Mereka berhubung antara satu sama lain dengan menggunakan walkie-talkie.

10.2 Pada jam 2.30 petang tarikh yang sama, SP7 telah menghubungi SP5 mengatakan terdapat sebuah kereta bernombor pendaftaran WAE 6789 telah melakukan satu kesalahan trafik iaitu pemandu dan penumpang hadapan di

A sebelah kiri pemandu kereta tersebut tidak memakai tali pinggang keledar. SP5 juga nampak kereta tersebut dikatakan dipandu dalam keadaan yang mencurigakan.

10.3 Apabila kereta tersebut sampai di Point B, SP5 telah B menahan kereta itu dan mengarahkan pemandunya supaya berhenti di tepi jalan. SP5 memberitahu pemandu, Encik Noorheysham Ismail (SP12), tentang kesalahan yang telah dilakukan dan meminta beliau menunjukkan kad pengenalan dan lesen memandunya. SP12 diarahkan keluar dari kereta C dan pemeriksaan badan dibuat terhadapnya tetapi SP5 tidak menjumpai apa-apa barang yang menyalahi undang-undang. Melihat kepada reaksi ketiga-tiga orang yang berada dalam kereta tersebut yang dikatakan mencurigakan, iaitu mereka dikatakan nampak gelisah dan takut, SP5 telah membuat D pemeriksaan di dalam kereta tersebut.

10.4 Di kerusi penumpang belakang kereta tersebut terdapat seorang penumpang yang kemudiannya dikenali sebagai Aliman bin Mujayin. Di sebelahnya SP5 menjumpai dua helai seluar jean (eks. P15A dan P15B) yang mengikut keterangan E Noorheysham Ismail (SP12), sehelai daripadanya (eks. P15A) kepunyaan OKT dan sebelai lagi (eks. P15B) adalah kepunyaan beliau. Kedua-dua seluar jean itu menutup sebuah beg berwarna coklat berjenama Adidas (eks. P14). SP5 F bertanya kepada Aliman bin Mujayin mengenai kandungan eks. P14 itu tetapi beliau tidak berkata apa-apa iaitu membisukan diri. SP5 membuat pemeriksaan kandungan eks. P14 dan mendapati di dalamnya terdapat lima ketulan mampat bersalut kertas timah (eks. P18A-E) dan apabila dibuka sedikit, SP5 mempercayainya sebagai ganja. OKT, G SP12 dan Encik Aliman Mujayin telah ditangkap dan barang-barang kes telah dirampas dan dibawa balik ke IPD Kota Tinggi. Tangkapan dan barang-barang kes telah diserahkan kepada ASP Muhammad Nayan (SP6).

H 10.5 Pada 23 Oktober 2002, C/Insp. Khairuddin Muhamed (SP13), Pegawai Penyiasat kes, telah menghantar barang-barang kes (eks. P14 dan P19A-E) kepada ahli kimia, Encik Abdullah bin Mohd Yusuf (SP8). Setelah menjalankan empat kaedah analisis: iaitu Pemeriksaan Fizikal (Visual I Examination), Pemeriksaan Mikroskopik (Microscopic Examination), Ujian Duquenois-Levine (D - L) dan Ujian Thin Layer Chromatography (TLC), beliau mengesahkan

bahawa bungkusan-bungkusan tersebut mengandungi seberat 4,929.5 gram cannabis. SP8 berpuashati dengan keempat-empat ujian yang telah dijalankan ke atas tumbuh-tumbuhan yang diserahkan kepadanya bagi mencapai keputusan konklusif bahawa tumbuhan-tumbuhan tersebut adalah "cannabis" seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Keterangan SP8 tidak dicabar oleh peguambela.

10.6 Keterangan mengenai siapakah yang meletakkan beg berwarna coklat (P14) di bahagian kerusi penumpang belakang kereta berhampiran dengan Encik Aliman bin Mujayin telah diberikan oleh SP12. Mengikut keterangan SP12, pada 22 Oktober 2002, jam lebih kurang 12 tengahari, beliau telah pergi ke rumah sewa OKT di Ulu Tiram. Selepas dua jam berada di rumah sewa tersebut, SP12, OKT dan Encik Aliman bin Mujayin berhasrat untuk pergi ke Kota Tinggi dengan sebuah kereta Toyota berwarna merah, bernombor pendaftaran WAE 6789. Mengikut keterangan Encik Sanusi Tukiman (SP1), kereta tersebut telah beliau jualkan kepada seorang yang bernama Encik Mohd Yusni bin Yusuf dengan harga RM3,500 pada tahun 2002. Apabila kereta itu diserahkan kepada Encik Mohd Yusni bin Yusuf, dua orang lain telah datang bersamanya dan salah seorang daripadanya ialah OKT. Penukaran nama kereta tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana Encik Mohd Yusni Mohd Yusuf tidak datang ke Pejabat Pengangkutan Jalan, Taman Daya, Johor Bahru pada hari yang dijanjikan. Walaupun bayaran permulaan sebanyak RM2,000 telah dibuat namun baki bayaran belum dilunaskan sehingga sekarang.

10.7 Semasa mereka pergi ke Kota Tinggi, SP16 memandu kereta tersebut. OKT duduk di kerusi penumpang hadapan bersebelahan dengan pemandu sementara Encik Aliman Mujayin duduk di kerusi penurnpang belakang kereta. Apabila mereka mula-mula menaiki kereta, SP12 tidak melihat apa-apa beg di dalam kereta itu dan mereka juga tidak membawa apa-apa beg. SP12 seterusnya memberi keterangan bahawa apabila kereta itu sampai di suatu kawasan di Kampung Semanggar Dalam, OKT telah meminta beliau memberhentikan kereta di tepi jalan kerana OKT ingin berjumpa dengan kawannya. OKT keluar dari kereta seorang diri. SP16 dan Aliman Mujayin menunggu di dalam kereta. SP16 berada di tempat pemandu dan Encik Aliman Mujayin berada di kerusi

penumpang belakang kereta. Selepas lebih kurang 30 minit menunggu, OKT telah kembali semula ke kereta dengan membawa sebuah beg (eks. P14) dan meletakkan eks. P14 di atas kerusi penumpang belakang di sebelah kiri kereta. Tidak terdapat keterangan yang boleh menjelaskan tentang siapakah yang meletakkan dua helai seluar jean (eks. P15A & B) di dalam kereta dan siapakah yang menutup eks. P14 dengan P15A & B. Tidak juga terdapat keterangan sama ada eks. P14 itu dalam keadaan terbuka dan tertutup. Walau bagaimanapun, OKT tidak memberitahu sama ada kepada SP12 atau Encik Aliman Mujayin mengenai kandungan eks. P14 sepanjang perjalanan mereka sehinggalah kereta mereka ditahan oleh anggota polis di Kilometer 20 Jalan Kota Tinggi - Kulai dan eks. P14 dan P19A-E dijumpai oleh SP5 semasa pemeriksaan dibuat di bahagian kerusi belakang kereta tersebut.

Keputusan Mahkamah

[11] Adalah menjadi tugas mahkamah di akhir kes pihak pendakwaan untuk memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan yang dikemukakan terhadap OKT. Dalam membuat penilaian terhadap keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan di akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP lwn. Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 telah meringkaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh mahkamah seperti yang berikut:

> (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence, led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused.
>
> (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No", then, a

(iii) *prima facie* case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iv) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(v) after the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. PP* [1963] MLJ 263.

[12] Berdasarkan kepada kes di atas dan kes-kes mahkamah yang lain, antaranya ialah *PP lwn. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215, dan *Looi Kow Chai lwn. PP* [2003] 2 AMR 89, saya berpendapat bahawa adalah menjadi tugas mahkamah di akhir kes pendakwaan untuk menguji, meneliti dan menilai keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dalam semua aspek bagi menentukan sama ada terdapat kecacatan, jurang atau kekosongan atau apa-apa percanggahan yang material yang boleh mengakibatkan intipati utama pertuduhan gagal untuk dibuktikan. Ini bermakna keterangan tersebut hendaklah diuji, diteliti dan dinilaikan secara mendalam dan tidak secara sambil lewa, sepintas lalu dan dangkal (maximum evaluation). Dalam hubungan ini, keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan tidak wajar diterima berdasarkan nilai muka (at face value) tetapi hendaklah diuji kredibilitinya. Sekiranya terdapat satu set fakta yang boleh membangkitkan dua atau lebih inferen, inferen yang membawa manfaat kepada OKT hendaklah dibuat. Begitu juga pihak pendakwaan, mengikut keadaan yang terdapat dalam sesuatu kes, hendaklah mematuhi kaedah keterangan yang terbaik (best evidence rule) dan keterangan yang memprejudiskan OKT hendaklah diteliti secara berhati-hati dan jika wajar, ditolak.

Isu Undang-Undang

[13] Isu undang-undang yang perlu diputuskan bagi menentukan sama ada kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan berdasarkan fakta yang terdapat dalam kes ini ialah seperti yang berikut:

(a) sama ada OKT mempunyai milikan terhadap beg berwarna coklat (eks. P14) yang mengandungi lima bungkusan (eks. P19A-E) yang disahkan sebagai cannabis;

(b) sama ada keterangan SP12 boleh diterima; dan

(c) sama ada kegagalan pihak pendakwaan memanggil Encik Aliman bin Mujayin untuk memberi keterangan di mahkamah mencacatkan kes pihak pendakwaan.

[14] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa milikan memerlukan pembuktian elemen berkembar, iaitu elemen pengetahuan di satu pihak dan elemen jagaan dan/atau kawalan di satu pihak yang lain. Elemen awal ialah elemen mental dan yang terkemudian ialah elemen fizikal. (Lihat kes-kes utama mengenai milikan, antara lain, *Chan Pean Leon lwn. PP* [1956] MLJ 237, *PP lwn. Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585, *PP lwn. Muhamed Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576, *PP lwn. Mohd. Farid bin Mohd Sukis and Anor* [2002] 3 AMR 3457; *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356).

[15] Tanpa mengambilkira keterangan SP12 pada peringkat ini yang keterangannya akan dibincangkan secara terperinci kemudian, dan berdasarkan semata-mata kepada keterangan Kpl. Zainuddin Hamid (SP5) yang disokong oleh keterangan L/Kpl. Zainuddin Ali (SP7) mengenai penemuan beg berwarna coklat (eks. P14) yang mengandungi lima bungkusan berbalut mampat (eks. P19A-E) di dalam kereta yang kemudiannya disahkan sebagai ganja oleh Ahli Kimia (SP8), mahkamah memutuskan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan sebenar terhadap dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. Ini adalah kerana di dalam kereta tersebut terdapat tiga orang iaitu Noorheysham bin Ismail (SP12) sebagai pemandu, OKT yang duduk di kerusi penumpang hadapan sebelah pemandu dan Aliman bin Mujayin yang duduk di kerusi penumpang belakang kereta tersebut. Adalah tidak dipertikaikan bahawa eks. P14 dijumpai oleh SP5 di sebelah kiri kerusi penumpang belakang kereta berhampiran dengan Aliman bin Mujayin sementara OKT pula berada di kerusi penumpang hadapan sebelah pemandu. Dalam keadaan sedemikian, pada pandangan mahkamah, OKT tidak mempunyai milikan ekslusif terhadap eks. P14 tersebut. Dari segi kedekatan tempat, Aliman Mujayin berkedudukan lebih dekat dengan eks. P14 berbanding dengan OKT. Apabila eks. P14 dijumpai oleh SP5, soalan mengenai milikan eks. P14 telah ditujukan kepada Aliman bin Mujayin dan tidak kepada OKT yang berada di kerusi penumpang hadapan dalam kereta itu. Ini boleh difahami kerana eks. P14 berada berhampiran dengan Aliman Mujayin.

[16] SP5 memberi keterangan bahawa apabila beliau membuat pemeriksaan di kerusi penumpang belakang dalam kereta, beliau nampak dua helai seluar jean menutup eks. P14. Encik Noorheysham Ismail (SP12) mengakui di dalam pemeriksaan balas bahawa salah satu daripada seluar jean itu (eks. P15B) ialah seluar

beliau. Eksibit P15A & B diletakkan sedemikian rupa untuk menutup eks. P14 sehingga apabila SP5 mula-mula membuat pemeriksaan di kerusi penumpang belakang dalam kereta, beliau hanya nampak eks. P15A & B dan tidak nampak eks. P14. Ini bolehlah dibuat inferen bahawa P15A & B telah diletakkan oleh seseorang bagi tujuan menutup eks. P14 daripada dilihat. Tidak terdapat keterangan yang boleh menunjukkan P15A & B diletakkan oleh OKT. Kemungkinan salah seorang daripada mereka yang berada dalam kereta tersebut meletakkannya. Inferen ini menafikan penghujahan Timbalan Pendakwa Raya bahawa OKT mempunyai milikan ekslusif terhadap eks. P14.

[17] Terdapat banyak kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang boleh dijadikan nas bahawa milikan terhadap dadah hendaklah ekslusif. Dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor lwn. PP* [1991] 3 CLJ 2414; [1991] 1 CLJ (Rep) 428, pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan sama ada OKT atau isterinya yang membuang keluar dari kereta bungkusan yang mengandungi heroin. Kereta tersebut pada masa itu dipandu oleh OKT dan dikejar oleh polis. Mahkamah Agung, melalui Harun Hashim HMA, membuat rujukan kepada kes *R lwn. Abbot* [1955] 2 All ER 899 mengenai perkara ini apabila Ketua Hakim. Goddard berkata:

> in which two sisters were indicted for murder, and there was evidence that they both had been in the room at the time the murder of the boy was committed; but the prosecution could not show that sister A had committed the offence or that sister B had committed the offence. Very likely one or the other must have committed it, but there was no evidence which, and although it is unfortunate that a guilty party cannot be brought to justice, it is far more important that there should not be a miscarriage of justice and that the law should be maintained that the prosecution should prove the case.

[18] Pendekatan yang sama telah diambil oleh Hakim Abdul Wahab Patail dalam kes *PP lwn. Chow Kam Meng* [2001] 7 CLJ 387. Dalam kes ini, OKT bersama seorang yang bernama Woon Kee Seng telah ditangkap dalam sebuah kereta di mana OKT ialah pemandu kereta tersebut dan Wong Kee Seng sebagai penumpang. Dadah berbahaya cannabis seberat 19,256 gram dijumpai dalam tiga bungkusan plastik yang diletakkan di atas kerusi penumpang belakang kereta. Salah satu daripada alasan mahkamah melepas dan membebaskan OKT ialah tidak terdapat ekslusiviti terhadap dadah tersebut di pihak OKT. Daripada keterangan dalam kes itu terdapat tiga kemungkinan: (a) bahawa kedua-dua mereka

A mempunyai milikan terhadap dadah; (b) bahawa Woon Kee Seng mempunyai milikan terhadap dadah; dan (c) bahawa OKT mempunyai milikan terhadap dadah.

[19] Dalam kes di hadapan mahkamah, ketiga-tiga inferen yang
B terdapat dalam kes *Chow Kam Meng* di atas boleh dibuat kerana terdapat tiga orang dalam kereta semasa ia ditahan oleh SP5 di Kilometer 20 Jalan Kota Tinggi - Kulai, iaitu OKT, SP12 dan Aliman bin Mujayin. Salah seorang daripada mereka atau kesemua mereka yang berada dalam kereta boleh dibuat inferen sebagai
C memiliki dadah berkenaan.

[20] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa OKT mempunyai pengetahuan
D tentang kandungan eks. P14. Bagi menyokong penghujahan tersebut, rujukan dibuat kepada keterangan SP5 dan SP7 yang mengatakan bahawa ketiga-tiga orang yang berada dalam kereta itu nampak gelisah dan takut apabila kereta mereka ditahan. Melihat kepada keadaan yang berkaitan dengan penahanan kereta tersebut,
E mahkamah tidak dapat memberi pertimbangan (weight) terhadap keterangan tersebut. Ini adalah kerana, seperti yang terdapat dalam keterangan SP5, apabila kereta tersebut ditahan dan diminta berhenti di tepi jalan, SP5 telah memaklumkan kepada mereka tentang kesalahan lalu lintas yang telah dilakukan, iaitu
F pemandu dan OKT tidak memakai tali pinggang keledar. Perlu diingati bahawa dalam pemeriksaan balas, SP5 bersetuju bahawa apabila orang awam ditahan polis trafik, mereka akan takut dan gelisah. Mengikut SP5, ini adalah merupakan perkara yang biasa. Sekiranya dikatakan bahawa OKT berkeadaan takut dan gelisah
G kerana ia mengetahui kandungan eks. P14 mengandungi dadah ganja, persoalan yang berbangkit ialah mengapakah SP12 dan Encik Aliman juga berkeadaan sedemikian. Mereka tidak harus berasa takut dan gelisah kecuali mereka juga mengetahui kandungan eks. P14 mengandungi ganja. Keterangan yang ada
H tidak membawa kepada satu kesimpulan yang konklusif bahawa OKT mengetahui bahawa eks. P14 itu mengandungi dadah ganja. Dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, inferen juga boleh dibuat bahawa OKT takut dan gelisah kerana dimaklumkan bahawa telah melakukan suatu kesalahan lalu lintas. Inferen ini,
I pada pandangan mahkamah, adalah lebih munasabah berdasarkan kepada keadaan yang wujud dalam kes ini.

[21] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana juga menghujahkan bahawa OKT mengetahui terdapat dadah ganja dalam eks. P14 kerana lima bungkusan lutsinar seperti ditunjukkan dalam gambar-gambar eks. P7A & B itu boleh dilihat dengan ketara. Penghujahan ini adalah berdasarkan kepada andaian bahawa OKT telah melihat kandungan eks. P14 dan eks. P14 itu berada dalam keadaan terbuka semasa OKT membawanya dan semasa ia diletakkan di kerusi penumpang belakang dalam kereta. Keterangan yang ada menunjukkan sebaliknya. SP12 mengatakan bahawa apabila eks. P14 dijumpai oleh anggota polis, ia dalam keadaan tertutup (berzip). Semasa dikemukakan soalan spesifik oleh mahkamah mengenai isu kandungan eks. P14, SP12 menyatakan bahawa OKT tidak memberitahunya apa-apa tentang kandungan eks. P14 sepanjang perjalanan dalan kereta. Tidak terdapat keterangan yang boleh dibuat inferen bahawa OKT mengetahui kandungan eks. P14 walaupun keterangan yang mengatakan OKT adalah orang yang meletakkan eks. P14 diterima oleh mahkamah sekali pun. Oleh itu, mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen mental berhubung milikan dadah ganja oleh OKT.

Keterangan SP12

[22] Keterangan SP12 adalah amat penting kepada kes pihak pendakwaan untuk menyambung rantaian keterangan yang terputus bagi membuktikan milikan dadah oleh OKT. Adalah diakui sekiranya keterangan SP12 diterima sepenuhnya dan diteliti bersama-sama keterangan lain yang dibincangkan sebelum ini, ia boleh membantu kes pihak pendakwaan untuk membuktikan kawalan dan jagaan di pihak OKT terhadap eks. P14 dan kandungannya (eks. P19A-E).

[23] Peguambela yang bijaksana menghujahkan bahawa SP12 ialah seorang rakan sejenayah kerana beliau telah ditahan dan dituduh bersama-sama dengan OKT. SP12 berada dalam penjara selama lebih lima tahun sehinggalah pertuduhan terhadap beliau ditarik balik sebaik sahaja perbicaraan kes ini dimulakan pada 26 Mac 2007. Peguambela yang bijaksana seterusnya berhujah bahawa adalah tidak munasabah Pendakwa Raya mengemukakan pertuduhan terhadap SP12 jika tidak terdapat bukti yang kukuh mengenai penglibatannya dalam kes ini. Oleh itu, menurut peguambela yang bijaksana, beliau ialah seorang rakan sejenayah dan keterangannya memerlukan sokongan sebagaimana yang diperuntukkan dalam s. 114(b) Akta Keterangan 1950.

[24] Dengan hormat, mahkamah tidak dapat bersetuju dengan penghujahan peguambela yang bijaksana bahawa oleh kerana semata-mata SP12 telah dituduh bersama-sama dengan OKT dalam kes ini, beliau secara automatik menjadi rakan sejenayah. Penglibatan SP12 dalam kes ini harus dilihat secara bebas daripada fakta bahawa ia telah dituduh bersama-sama dengan OKT. Adalah menjadi amalan yang diterima dalam pentadbiran keadilan di negara ini bahawa dalam keadaan tertentu, demi kepentingan keadilan, Pendakwa Raya perlu menarik balik pertuduhan terhadap orang yang dituduh untuk dijadikan saksi pihak pendakwaan bagi memastikan keterangan yang diperlukan bagi membuktikan intipati pertuduhan dapat dikemukakan kepada mahkamah dan dengan demikian penjenayah dapat dihukum sewajarnya. Dalam kes ini, pertuduhan terhadap SP12 telah ditarik balik dan beliau telah dilepas dan dibebaskan.

[25] Dalam kes *Ng Kok Lian lwn. PP* [1983] 2 CLJ 247; [1983] CLJ (Rep) 293 (Mahkamah Persekutuan), Hakim Besar Malaya, Salleh Abas (sebagaimana beliau ketika itu) berkata:

> There can be no automatic application of the rule as the accomplice's evidence to any witness nor could a witness be *prima facie* an accomplice without first examining his evidence to find out whether he is an accomplice or not; ... Thus in every case when the issue is raised that a witness is an accomplice the court must study the evidence and make the necessary finding. These can be no rule of law or evidence that a witness is automatically an accomplice just because of his *actus reus*. The whole idea is completely contrary to the basic concept of criminal liability.

[26] Apakah penglibatan SP12 dalam kes ini? Berdasarkan keterangan beliau sendiri, SP12 telah mengenali OKT selama lebih kurang satu tahun sebelum hari kejadian. SP12 berjumpa dengan OKT lebih kurang dua atau tiga bulan sekali dan apabila perjumpaan diadakan mereka akan pergi berjalan-jalan untuk minum atau makan. SP12 juga selalu menghisap ganja dengan OKT dan Aliman Mujayin. Pada hari kejadian, OKT meminta SP12 memandu kereta untuk menghantarkannya untuk balik ke kampungnya. Aliman Mujayin juga dikatakan ingin menumpang kereta itu sebelum ia pergi makan. Dalam perjalanan untuk balik ke kampung, SP12 memandu kereta, OKT duduk di kerusi penumpang hadapan sebelah pemandu dan Aliman duduk di kerusi penumpang belakang kereta. Apabila sampai suatu kawasan di Kampung Semanggar Dalam, OKT dikatakan meminta SP12 memberhentikan kereta di

tepi jalan kerana OKT dikatakan ingin berjumpa dengan kawannya. OKT dan Aliman menunggu di dalam kereta. Selepas menunggu lebih kurang 30 minit, OKT kembali semula ke kereta dengan membawa sebuah beg (eks. P14) dan meletakkannya di atas kerusi penumpang sebelah kerusi penumpang kiri belakang dalam kereta. Selepas itu mereka meneruskan perjalanan ke Ulu Tiram dan apabila sampai di Kilometer 20 Jalan Kota Tinggi - Kulai, kereta mereka ditahan dan selepas pemeriksaan di dalam kereta dibuat, SP5 menemui lima bungkusan lutsinar yang mengandungi ganja (eks. P19A-E) dalam eks. P14. Mereka bertiga telah ditahan dan seterusnya dituduh dengan niat bersama mengedarkan dadah berbahaya.

[27] Melihat kepada keterangan SP12, nampaknya peranan beliau tidak lain melainkan hanya sebagai pemandu kereta di mana dadah ganja dijumpai. Beliau tidak melakukan apa-apa perbuatan yang boleh dikatakan beliau telah turut serta atau melibatkan dirinya dalam jenayah yang dilakukan oleh OKT. Walau bagaimanapun, selepas meneliti kesemua keterangan yang berkaitan, mahkamah berpendapat bahawa terdapat beberapa persoalan yang berbangkit berhubung dengan keterangan SP12. Pertama, bagaimanakah seluar jean SP12 (eks. P19B) telah digunakan untuk menutup eks. P14 sekiranya beliau tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan eks. P14 dan kandungannya. SP12 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela yang bijaksana bahawa seluar jean itu telah ditinggalkan oleh beliau di rumah sewa OKT di Ulu Tiram dan beliau membawanya masuk ke dalam kereta. Persoalan yang memerlukan jawapan ialah bagaimana seluar tersebut boleh berada di atas eks. P14 kalau beliau tidak membawa masuk dan meletakkannya di situ. Kedua, semasa disoal balas oleh peguambela yang bijaksana, SP12 tidak dapat membuat penafian tegas bahawa semasa beliau ditangkap dan di bawah kawalan polis sama ada beliau ada memberitahu polis bahawa eks. P14 dan kandungannya adalah semuanya kepunyaan OKT. Beliau juga tidak dapat membuat penafian tegas sama ada beliau ada memberitahu polis bahawa OKT ada menyimpan barang salah (ganja) di Kg. Semanggar Dalam, iaitu hal yang menjadi perkara pertuduhan kedua. Jawapan yang diberikan kepada kedua-dua soal itu ialah "saya tidak pasti". Mahkamah berpendapat jika SP12 sebenarnya tidak memberikan maklumat itu kepada pihak polis, dia boleh dengan mudah mengatakan "tidak". Mahkamah berpendapat SP12 tidak bercakap benar mengenai perkara ini. Ini disahkan dengan pengakuannya sendiri apabila beliau mengatakan "saya bersetuju

saya ada buat persetujuan dengan polis untuk mengatakan bahawa semua barang berkenaan kepunyaan OKT bag! membolehkan polis membebaskan saya (lihat keterangan SP12 semasa disoal balas pada ms 60 rekod perbicaraan).

[28] Walaupun terdapat keterangan ikut keadaan mengenai penglibatan SP12 dalam kes ini, namun mahkamah berpendapat bahawa SP12 bukanlah merupakan seorang rakan sejenayah. Keputusan itu, walau bagaimanapun, tidak bermakna keterangan SP12 boleh diterima oleh mahkamah sepenuhnya. Berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, keterangannya perlu diteliti secara berhati-hati kerana terdapat motif tertentu apabila dia memberi keterangan terhadap OKT. Terdapat perkiraan (arrangements) tertentu antara beliau dan pihak polis.

[29] Motif adalah relevan dalam menentukan kredibiliti seseorang saksi. Perkara ini telah diiktiraf dalam penghakiman Hakim Mahkamah Persekutuan, Raja Azlan Shah (sebagaimana baginda ketika itu) dalam kes *Tengku Mahmood lwn. PP* [1974] 1 MLJ 110. Bahagian penghakiman yang relevan adalah seperti berikut:

> The central question to be considered in this appeal is whether on the record, as its stands, the learned president was right in accepting the complaint as a witness of truth. As regard authority, there is, I think, very little to be said. It is hardly necessary to go further back than *Tara Singh v. Public Prosecutor* [1949] MLJ 88, 89 in 1948. In that case it was held that impression as to demeanour of a witness must be critically tested against the totality of his evidence. Now, the learned president, it is true, had a great advantage over this court. He saw and heard the witness and I did not. But the demeanour is not always the touch-stone truth. It is only one at a finding of credibility. But so also is motive.

[30] Melihat kepada keadaan yang wujud dalam kes ini dan dengan memberi perhatian kepada keterangan bahawa SP12 ada membuat perkiraan (arrangements) dengan pihak polis mengenai keterangan yang akan diberikan di mahkamah berhubung dengan penglibatan OKT, mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak selamat untuk menerima keterangan SP12 tanpa apa-apa keterangan bebas yang boleh mengesah atau menyokong keterangannya mengenai penglibatan OKT dalam kes ini. Untuk mengelakkan apa-apa kekeliruan yang mungkin timbul, keterangan sokongan ini diperlukan bukanlah kerana kehendak undang-undang tetapi sebagai tindakan berhemah mahkamah untuk mengelakkan keterangan yang memberi prejudis terhadap OKT diterima masuk

tanpa pengesahan dan sokongan keterangan bebas yang lain. Dalam kes *Sudam Chandra Baq lwn. Emperor* AIR [1933] Cal. 148, fakta kes ialah pempetisyen, Sudam Chandra Baq, telah disabitkan oleh Majistret di bawah s. 14 Akta Dadah Berbahaya (India) kerana memiliki sejumlah kokain dan dihukum penjara selama sembilan bulan dan denda Rs 1,000. Semasa rayuan, dihujahkan bahawa tidak terdapat keterangan sah yang boleh mengaitkan tertuduh dengan kesalahan memiliki kokain. Seorang yang bernama Suren Halder ialah tertuduh bersama (co-accused) dengan pempetisyen. Selepas beberapa keterangan diambil, Majistret, atas permohonan Pendakwa Raya, telah melepaskannya di bawah s. 494, Kanun Prosedur Jenayah India dan dijadikan sebagai saksi pihak pendakwaan. Peguambela yang bijaksana telah menghujahkan bahawa Suren Halder, dalam keadaan kes tersebut, bukanlah merupakan seorang saksi yang berkompeten. Hakim M.C. Ghouse dalam keputusannya berkata:

> After hearing the learned counsel who quoted many cases, and after hearing the learned Deputy Legal Remembrancer, I am of opinion that Suren Halder was a witness competent in law. The trial Magistrates was within his discreation in permiting the Public Prosecutor to withdraw from prosecution of Suren Halder in order that his evidence might be available for the charge against the other accused who was being trial jointly with him: see the case of *G.V. Raman v. Emperor* [A.I.R 1929 Cal. 819]. It is also urged that even if Suren's evidence be competent in law his evidence was pointed and should not be accepted without proper corroboration. There is some force in this argument of the learned counsel though it is to be observed that the co-accused against whom the charge has unconditionally withdrawn is more reliable witness that the accomplice who is examined under conditional pardon: see the case of *Queen Empress v. Hussein Haji* [1901] 2 Bom LR 105).

[31] Memandangkan tidak terdapat keterangan sokongan bebas bagi mengesahkan keterangan SP12 mengenai fakta bahawa OKT seorang sahaja yang keluar daripada kereta di suatu kawasan di Kampung Semanggar Dalam dan kemudian kembali dengan membawa beg (eks. P14) dan meletakkannya dalam kereta, mahkamah memutuskan bahawa budibicara hendaklah dilaksanakan untuk menolak keterangan tersebut. Mahkamah berpendapat prinsip keadilan (the principle of fairness) menghendaki budibicara dilaksanakan untuk mengenepikan keterangan berkenaan. (Lihat kes-kes *Noor Mohamed lwn. The King* [1949] AC 182, *Kan Sik Fong*

lwn. PP [1961] 1 MLJ 163, *PP lwn. Hj. Kassim* [1971] 2 MLJ 11 (MP); *Rauf bin Hj. Ahmad lwn. PP* [1950] MLJ 190 dan *Goi Ching Ang lwn. PP* [1999] 1 CLJ 829 (MP)).

Kegagalan pihak pendakwaan memanggil Encik Aliman Mujayin memberi keterangan.

[32] Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pada mulanya Encik Aliman Mujayin telah dituduh bersama-sama dengan OKT dalam kes ini. Walau bagaimanapun, apabila kes ini mula dibicarakan pada 26 Mac 2007, pertuduhan terhadap beliau dan SP12 telah ditarik balik. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana memaklumkan kepada mahkamah bahawa selepas beliau dilepas dan dibebaskan, pihak polis telah merakamkan percakapannya di bawah s. 112 KAJ. Atas sebab-sebab yang tertentu, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana tidak memanggil saksi ini untuk memberi keterangan walaupun keterangannya telah direkodkan dan saksi ini berada dalam kawalan pihak polis.

[33] Pada pandangan mahkamah, pendekatan yang betul dalam menentukan kesan kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan saksi hendaklah berdasarkan kepada keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Sebagai panduan umum, faktor-faktor berikut bolehlah diberi pertimbangan:

(i) sama ada saksi berkenaan berada dalam kedudukan untuk memberi keterangan yang material;

(ii) sama ada saksi berkenaan boleh diperoleh dengan mudah oleh pihak pendakwaan;

(iii) bentuk dan intensiti kontroversi yang telah ditimbulkan oleh peguambela mengenai isu tertentu yang memerlukan saksi berkenaan memberi keterangan; dan

(iv) keyakinan terhadap keterangan saksi berkenaan berdasarkan kepada keterangan yang terdapat dalam rakaman percakapannya. (Lihat ILR [1971] 21 Raj 209)

[34] Mengenai faktor (i) dan (ii) di atas, berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa Encik Aliman Mujayin memang berada dalam kedudukan untuk memberi keterangan yang material terutama mengenai siapakah yang meletakkan dua helai seluar jean bagi menutup eks. P14. Beliau juga boleh memberi keterangan material sama ada eks. P14 itu berada dalam keadaan tertutup (berzip) dan sama ada beliau ada

meletakkan eks. P19A-E di dalam eks. P14 tersebut. Sekurang-kurangnya beliau boleh menafikan penglibatannya dengan eks. P14. Keterangan ini adalah material memandangkan eks. P14 pada sepanjang masa perjalanan kereta itu, sebelum ditahan oleh pihak polis di Kilometer 20 Jalan Kota Tinggi - Kulai, sentiasa berada berdekatan dengan beliau. Keterangan ini juga penting untuk menunjukkan milikan ekslusif OKT terhadap dadah yang dijumpai dalam eks. P14. Pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa alasan untuk menunjukkan bahawa Encik Aliman bin Mujayin tidak boleh dengan mudah dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah memandangkan keterangannya telah direkodkan di bawah s. 112 KPJ. SP12 juga telah dilepas dan dibebaskan pada hari yang sama dengan Encik Aliman Mujayin tetapi boleh dipanggil untuk memberi keterangan yang memihak kepada pihak pendakwaan. Tanpa apa-apa alasan dikemukakan, kesimpulan yang boleh dibuat oleh mahkamah ialah saksi berkenaan boleh diperoleh dengan mudah dan tidak terdapat apa-apa sebab yang wajar yang menghalang saksi berkenaan dipanggil untuk memberi keterangan.

[35] Mengenai faktor (iii), adalah menjadi kes pihak pembelaan bahawa Encik Aliman Mujayin ada keluar daripada kereta bersama-sama dengan SP12 semasa kereta tersebut berhenti di suatu tempat di Kampung Semanggar Dalam di mana dikatakan selepas 30 minit OKT kembali ke kereta dengan membawa eks. P14. Cadangan mengenai perkara ini telah pun dikemukakan oleh peguambela semasa SP12 disoal balas. Sewajarnya Encik Aliman Mujayin dipanggil untuk memberi keterangan untuk mengesahkan atau menafikan keterangan SP12 mengenai fakta yang penting ini. Dalam kes *PP lwn. Poh Ah Kwang* [2003] 2 CLJ 722, Hakim RK Nathan telah menekankan tentang perlunya seorang saksi yang membantu SP2 dalam kes itu yang membuat pemeriksaan di bahagian pinggang OKT di mana dadah berbahaya ditemui sebelum ia menaiki kapal terbang di Lapangan Terbang Bayan Lepas dipanggil memberi keterangan. Hakim berkata:

> with all these facts having been put to SP2 surely it was all the more incumbent upon the prosecution to have called Mohd. Dollah to refute such suggestions. Merely offering the witness to the defence is absolutely not enough. Surely the prosecution does not expect the accused to call Mohd Dollah to refute such evidence. The prosecution ought to have done so. It must be remembered that it is necessary for the accused to put his case to the prosecution witnesses at the earliest possible stage of the case. By putting his case to the prosecution's witnesses, the

A accused would have taken an irreversible step towards his own defence because if the defence is called, and during his case if he fails to stick to the suggestions made to the prosecution's witnesses during cross-examination, his defence must fail. Therefore as the accused in this case had already put various
B suggestions as to the part played by Mohd Dollah, the failure to call Mohd Dollah to corroborate SP2 and to refute the accused's suggestions was indeed the first fatal blow to the prosecution's case.

[36] Mahkamah telah memberi pertimbangan bahawa cara
C bagaimana pihak pendakwaan mengendalikan kesnya adalah merupakan budi bicara mutlak Timbalan Pendakwa Raya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tugas pihak pendakwaan untuk mengemukakan kepada mahkamah semua material dan keterangan yang relevan berhubung dengan perkara atau isu yang perlu
D diputuskan oleh mahkamah. Kegagalan untuk memanggil saksi yang material, iaitu Encik Aliman bin Mujayin dalam kes ini telah mewujudkan kekosongan (gap) dalam kes pihak pendakwaan. (Lihat kes *Abdullah Zawawi lwn. PP* [1985] 2 MLJ 16).

E **[37]** Pihak pendakwaan juga tidak menjelaskan kepada mahkamah mengapakah pernyataan Encik Aliman Mujayin yang terdapat dalam rakaman percakapannya tidak boleh diyakini sehingga mewajarkan beliau tidak dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah.

F **[38]** Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dalam kes pertama. Oleh itu OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

Kes Pendakwaan Dalam Kes Kedua

G

[39] Kes kedua pihak pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti yang berikut:

39.1 Pada 22 Oktober 2002, jam 4 petang, ASP Muhammad Nayan bin Awang (SP6), Ketua Bahagian Narkotik Daerah
H Kota Tinggi, telah diserahkan oleh L/Koperal Zainuddin Hamid (SP5) dengan tiga orang lelaki Melayu, iaitu Noorheysham Ismail (SP12), OKT dan Aliman Mujayin yang ditangkap berhubung dengan kes pertama. SP6 kemudian menyerahkan ketiga-tiga tangkapan itu kepada Pegawai
I Penyiasat kes, C/Insp. Khairuddin Mohamed (SP13). Pada jam 4.30 petang hari yang sama, SP6 menerima maklumat daripada Insp. Saiful Azman mengatakan OKT ada lagi

menyimpan dadah lebih kurang 20 kilogram yang ditanam di Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi. SP6 seterusnya memaklumkan maklumat tersebut kepada ASP Wan Mazlan bin Wan Hassan (SP11). A

39.2 Selepas menerima maklumat tersebut, SP11 telah pergi berjumpa dengan OKT dan OKT dikatakan mengesahkan maklumat tersebut. Kemudiannya, SP11 telah mengetuai sepasukan polis yang terdiri daripada dua pegawai dan dua belas orang anggota untuk pergi ke Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi. Apabila sampai di Kampung Semanggar Dalam, pasukan SP11 telah memasuki satu lorong dan berhenti lebih kurang 5 hingga 10 meter dari jalan utama berhampiran dengan sebuah rumah kosong seperti yang ditunjukkan dan lakaran rajah kasar (eks. P29). Lihat juga gambar-gambar di eks. P10A-E. Berpandukan panduan yang diberikan oleh OKT, pasukan SP11 berjalan lebih kurang 300 meter menuju suatu kawasan belukar. Kemudian OKT telah menunjukkan suatu ternpat di mana barang dadah (ganja) ditanam. Tempat itu ialah ternpat yang ditanda X di atas eks. P29. Mengikut SP11, apabila sampai di tempat berkenaan, OKT menunjukkan tempat itu dan mengatakan "di sini". Setelah membuat pemeriksaan tempat yang ditunjukkan oleh OKT itu, SP11 kemudiannya telah mengarahkan L/Koperal Roslan Mat (SP9) untuk menggali tempat yang ditunjukkan oleh OKT. B C D E F

39.3 Mengikut keterangan SP9, selepas tempat itu digali, beliau menemui satu bungkusan plastik berwarna hitam (eks. P16). SP6 mengangkat eks. P16 keluar dari lubang yang digali itu dan menyerahkannya kepada SP11. Apabila plastik itu (eks. P16) dibuka oleh SP11, di dapati di dalamnya dua puluh bungkusan plastik yang mengandungi dua puluh ketulan mampat yang dibalut dengan kertas timah (eks. P26A-26T). Ketulan mampat tersebut pada masa itu berada dalam keadaan seperti yang ditunjukkan dalam gambar-gambar eks. P9A-C. Selepas membuat pemeriksaan, SP11 mengarahkan supaya bungkusan-bungkusan itu dimasukkan semula ke dalam eks. P16 dan mengarahkan Kpl. Rajudin untuk membawanya ke kereta untuk dibawa pulang ke IPD Kota Tinggi. Eksibit P16 dan kandungannya (eks. P26A-26T) bersama-sama dengan OKT kemudiannya telah diserahkan oleh SP11 kepada C/Insp. Khairuddin Mohamed, Pegawai Penyiasat (SP13). G H I

39.4 Pada 23 Oktober 2002, jam lebih kurang 3.30 petang, SP13 telah menghantar barang kes yang berkaitan kepada Encik Abdullah Mohd Yusuf (SP8), Ahli Kimia, bagi tujuan analisis. Mengikut keterangan SP8, beliau telah menjalankan analisis yang sama seperti analisis yang telah dijalankan ke atas bahan-bahan tumbuhan dalam kes pertama. Selepas keempat-empat ujian dijalankan, beliau berpuashati bahawa keputusan konklusif telah dicapai bahawa tumbuhan tersebut ialah seberat 19,322.9 gram cannabis seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Keterangan SP8 tidak dicabar oleh peguambela yang bijaksana.

39.5 Keterangan SP9 dan SP11 mengenai penemuan dadah berbahaya di suatu lubang yang digali di Kg. Semanggar Dalam, Kota Tinggi, dalam beberapa aspek tertentu, telah disokong oleh keterangan yang diberikan oleh D/Sjn. M. Krishnan a/l Mariappan (SP10). SP10 menerangkan bahawa tempat di mana lubang digali ialah satu kawasan semak di kawasan rizab sungai Jabatan Parit dan Pengaliran.

Tempat itu berada antara dua pokok besar dan tempat itu adalah tersorok. Tidak ada rumah kediaman di keliling kawasan tersebut melainkan sebuah rumah kosong. Terdapat jalan kecil (denai) menuju ke kawasan tersebut.

Keputusan Mahkamah

[40] Dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dalam kes kedua ini, berdasarkan kepada keterangan yang ada dalam kes ini, beberapa isu undang-undang perlu diputuskan iaitu:

(i) sama ada maklumat yang dikatakan telah diberikan oleh OKT kepada polis di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 telah dibuktikan; dan

(ii) sama ada pernyataan yang diberi oleh OKT kepada SP11 selepas amaran diberikan kepadanya di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 boleh diterima masuk sebagai keterangan.

[41] Pada peringkat ini barangkali sesuai untuk menyatakan bahawa peguambela yang bijaksana dalam soalan-soalan yang dikemukakan terhadap SP9, SP10 dan SP11 semasa soal balas telah mencadangkan kepada saksi-saksi tersebut bahawa OKT telah

ditampar, ditendang dan dipukul untuk mendapatkan maklumat tentang penemuan dadah di Kampung Semanggar Dalam dan maklumat tersebut dikatakan hanya diperoleh selepas OKT dipukul. Tindakan sedemikian adalah difahami kerana telah diputuskan dalam kes *Francis Antonysamy lwn. PP* [2005] 2 CLJ 481 bahawa walaupun kebolehterimaan maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 adalah tidak tertakluk kepada, atau bergantung atas bentuk kesukarelaan maklumat tersebut namun ia boleh dicabar oleh pihak pembelaan dengan membuat permohonan kepada mahkamah bagi melaksanakan budibicara untuk mengenepikan maklumat itu atas alasan adalah tidak adil untuk pihak pendakwaan untuk bergantung kepada maklumat yang diperoleh melalui ugutan, tekanan dan cara-cara lain yang tidak wajar. Kes *Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2003] 8 CLJ 814 telah mencadangkan bahawa cara yang paling sesuai bagi membolehkan mahkamah mengenepikan maklumat tersebut ialah dengan mengadakan perbicaraan dalam perbicaraan (a voir dire). Walau bagaimanapun, selepas beberapa orang saksi pihak pendakwaan memberi keterangan, peguambela yang bijaksana memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau tidak berhasrat untuk membuat permohonan itu kerana beliau akan membuat penghujahan bahawa maklumat itu tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan.

[42] Setelah menimbang keterangan yang berkaitan, mahkamah berpendapat bahawa maklumat yang diberi kepada Insp. Saiful Azman mengenai ganja yang ditanam di kawasan belukar di Kampung Semanggar Dalam telah tidak dapat dibuktikan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam ringkasan kes pihak pendakwaan di atas, maklumat berkenaan telah diberikan oleh OKT kepada Insp. Saiful Azman yang kemudiannya memaklumkannya kepada ASP Muhammad Nayan bin Awang (SP6) yang seterusnya memaklumkannya pula kepada ASP Wan Mazlan Wan Hassan (SP11). Pihak pendakwaan tidak memanggil Insp. Saiful Azman untuk memberi keterangan di mahkamah. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah membuat permohonan kepada mahkamah untuk memasukkan keterangan percakapan Insp. Saiful Azman yang telah direkodkan di bawah s. 112 KAJ menurut s. 32 Akta Keterangan 1950 atas alasan saksi ini tidak dapat dikesan. Menurut Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, usaha telah dijalankan untuk mengesan beliau dengan menghantar signal kepada balai polis yang berdekatan dengan alamat beliau tetapi masih tidak dapat dikesan.

[43] Mahkamah telah meneliti peruntukan s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 dan berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk menunjukkan bahawa usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah diambil, untuk mengesan saksi ini. Tindakan menghantar signal ke balai polis berdekatan dengan alamat kediaman saksi ini, tanpa dibuktikan usaha dan ikhtiar lain telah diambil tidaklah memadai bagi membolehkan pernyataan yang dirakamkan di bawah s. 112 KAJ diterima masuk sebagai keterangan di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Banyak usaha dan ikhtiar boleh diambil untuk mengesan seorang saksi, antara lain, dengan menghubungi Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pengeluar Kad Kredit, Tenaga Nasional, Syarikat Telefon Mobile dan sebagainya. Beban untuk membuktikan keadaan yang membolehkan sesuatu pernyataan termasuk di bawah salah satu peruntukan yang diperincikan dalam s. 32 Akta itu adalah terletak ke atas pihak yang ingin mengemukakannya. Hakim Kang Hwee Gee berkata dalam kes *PP lwn. Lam Peng Hoa & Anor* [1996] 3 CLJ 747:

> The learned authors of *Sarkar's Law of Evidence* (14th edition) at page 649 state (relying on Indian authorities) that where no diligent search and reasonable excertion were made to procure the witness, the court could not come to a finding that the witness could not be found and therefore his statement could not be admitted under the section. Mere ignorance of the whereabouts of the witness is not sufficient to invoke the section.

[44] Pada pandangan mahkamah apa-apa maklumat yang membawa kepada penemuan yang diberikan oleh OKT semasa dia berada dalam tahanan polis hendaklah dibuktikan oleh pihak pendakwaan seperti fakta yang lain. Ini adalah kerana seperti yang dijelaskan oleh Hakim Bhagwati J dalam kes *Ramkishan Mithanlal Sharma & Ors v. State of Bombay* AIR [1955] SC 104 pada ms 115:

> Section 27, is an exception to the rules enacted in ss. 25 and 26 of the Act which provide that no confession made to a police officer shall be proved as against a person accused of an offence and that no confession made by any person whilst he is in the custody of a police officer unless it be made in the immediate presence of a magistrate, shall be proved as against such person. Where however any fact is discovered in consequence of information received from a person accused of any offence, in the custody of a police officer, that part of the information as relates distinctly to the fact thereby discovered can be proved whether it amounts to a confession or not.

[45] Oleh itu adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukan daripada saksi-saksi pihak pendakwaan perkataan sebenar yang digunakan oleh OKT apabila maklumat itu disampaikan kepada pihak polis yang membawa kepada penemuan ganja di Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi. Mahkamah juga perlu memastikan sama ada Insp Saiful Azman telah menulis atau merekodkan maklumat itu berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang digunakan oleh OKT atau menggunakan perkataannya sendiri. Ini adalah penting kerana jika terdapat apa-apa keraguan mengenai maklumat tersebut, manfaatnya hendaklah diberi kepada OKT. Dalam hubungan ini, *Law of Evidence (Vol 1)* (New Edition - 1999), Madras Law Journal Office, menyatakan pada ms 434:

> The statement which is admissible under s. 27 is the one which is the information leading to discovery.
>
> Thus, what is admissible being the information, the same has to be proved and not the opinion formed on it by the Police Officer. In otherwords, the exact information given by the accused while in custody which led to recovery of the articles has to be proved. It is, therefore, necessary for the benefit of both the accused and prosecution that the information given should be recorded and proved and if not so recorded, the exact information must be adduced through evidence. A mere statement that the accused led the Police and the witnesses to the place where he had concealed the articles is not indicative of the information given: [1997] 84 Cut LT 459 (DB).

[46] Pentingnya perkataan sebenar yang digunakan oleh OKT semasa memberi maklumat kepada polis dibuktikan telah ditekankan dalam beberapa kes tempatan, antara lain, kes *Lim Ah Oh & Anor lwn. R* [1950] MLJ 269 apabila Ketua Hakim Murray-Aynsley berkata pada ms 270:

> Section 27 (of the Evidence Ordinance) in certain cases permits evidence of what an accused said by way of an exception ... to the provisions relating to confessions. But the evidence must be given of what the appellant said. Nothing justifies inviting the jury to guess what he said.

Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa maklumat tersebut telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

[47] Apabila mahkamah membayangkan kepada Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana semasa pendengaran penghujahan kedua-dua pihak bahawa ada kemungkinan maklumat berkenaan

telah tidak dapat dibuktikan, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah menukar gear satu kepada gear empat dengan mengatakan bahawa pihak pendakwaan bukan sahaja bergantung kepada keterangan mengenai maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 tetapi juga kepada pernyataan yang diberikan oleh OKT kepada SP11 selepas amaran di bawah s. 32A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa kepada penemuan dadah di Kampung Semanggar Dalam, Kota Tinggi. SP11 dalam keterangannya yang disokong oleh keterangan SP10 mengatakan bahawa sebelum pasukan yang diketuainya pergi ke Kampung Semanggar Dalam, beliau telah membacakan amaran itu kepada OKT. Pasukan itu pergi ke tempat berkenaan berdasarkan kepada maklumat yang diberikan dan dibawa oleh OKT. Apabila sampai di suatu kawasan belukar, OKT telah menunjukkan satu tempat di mana barang salah (ganja) ditanam. Apabila dikemukakan persoalan oleh mahkamah mengenai apakah perkataan sebenar yang digunakan oleh OKT apabila dia menunjukkan tempat itu, SP11 menjawab "Semasa sampai di tempat yang ditunjukkan oleh OKT, dia telah menunjukkan tempat itu dan mengatakan "Di sini". (Lihat ms 49 rekod perbicaraan).

[48] Berdasarkan kepada keterangan sedemikian, terdapat dua persoalan yang perlu diputuskan iaitu sama ada amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 itu telah difahami oleh OKT dan sekiranya pernyataan yang diberi oleh OKT itu diterima masuk, sama ada keterangan itu boleh membuktikan milikan dadah berkenaan terhadap OKT.

[49] Sebelum mahkamah membincangkan persoalan yang terlibat, adalah sesuai untuk dinyatakan bahawa peguambela yang bijaksana tidak mencabar kerelaan OKT semasa pernyataan itu dibuat. Beliau akan membuat penghujahan bahawa amaran tersebut tidak dijelas dan diterangkan oleh undang-undang. Oleh itu mahkamah tidak mengarahkan supaya perbicaraan dalam perbicaraan diadakan bagi menentukan kerelaan penyataan yang dibuat oleh OKT. Dalam hal ini mahkamah bergantung kepada panduan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP lwn. Mohamed Nor bin Jantan* [1979] 2 MLJ 289 apabila Ketua Hakim Negara Suffian berkata:

> It is true that the general rule is that a cautioned statement is admissible only if the court is satisfied that it was made voluntarily, and if it is suggested by the defence that it has not been so made, a trial within a trial should be held so that the prosecution can satisfy the court that the opposite is the case.

But, if on the other hand, the defence does not challenge the voluntary nature of the statement there is no reason whatsoever for holding a trial within a trial.

[50] Mengikut SP11, OKT ada memberi pernyataan/maklumat kepadanya dan sebelum pernyataan atau maklumat itu disampaikan, beliau telah memberi amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952. Amaran itu ditulis di atas sehelai kertas terlebih dahulu sebelum beliau membacakannya kepada OKT. SP11 juga mendakwa bahawa beliau menerangkan amaran itu secara lisan kepada OKT. SP11 menyatakan dalam keterangannya bahawa beliau ada bertanya kepada OKT sama ada OKT faham atau tidak amaran yang diberikan dan jawapan yang diberikan ialah beliau memahami amaran itu. Selepas jawapan itu diberikan, OKT tidak menunjukkan apa-apa reaksi yang negatif. Walau bagaimanapun, SP11 mengakui bahawa beliau tidak menerangkan peruntukan s. 37A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 kepada OKT, iaitu hak untuk berdiam diri.

[51] Pada pandangan mahkamah, keterangan SP11 mengenai perkara ini hendaklah diteliti bersama-sama dengan eks. P32 iaitu kertas di mana amaran itu ditulis oleh SP11 sebelum ia membacakannya kepada OKT. Walaupun terdapat tandatangan OKT di atas eks. P32 tetapi tidak terdapat catatan di mana-mana dalam eks. P32 itu bahawa amaran itu telah diterang dan dijelaskan kepada OKT dan sama ada OKT memahaminya. Mahkamah telah memberi pertimbangan kepada fakta bahawa keadaan yang wujud pada masa itu mungkin tidak membolehkan SP11 mencatat dengan terperinci apa yang berlaku di atas eks. P32. Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat bahawa sekiranya SP11 telah memikirkan wajar untuk menulis di atas sehelai kertas (eks. P32) sebagai rekod tentang perkataan-perkataan amaran yang telah diberikan kepada OKT dan meminta OKT menandatanganinya, adalah munasabah untuk dijangkakan bahawa SP11 akan membuat catatan sekiranya penjelasan dan penerangan itu telah dibuat dan OKT telah memahami akibat daripada pernyataan yang dibuatnya selepas itu. Catatan semasa (comtemparaneous note) atas eks. P32 atau dokumen lain seperti diari siasatan atau laporan polis akan memberi nilai keterangan yang penting. la bukan sahaja boleh menyokong keterangan SP11 tetapi boleh membantu mahkamah untuk menentukan sama ada penjelasan dan penerangan itu sebenarnya telah dibuat dan OKT memahaminya. Malangnya perkara ini tidak dilakukannya. Dalam keadaan kes ini, mahkamah tidak berpuashati bahawa penjelasan

dan penerangan amaran itu telah diberikan kepada OKT sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Mahkamah berpendapat bahawa kehendak untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada OKT sehingga memahami implikasi dan amaran itu adalah penting kerana sekiranya kehendak itu tidak diberi penekanan, mana-mana pegawai polis boleh datang dan memberi keterangan dalam mahkamah bahawa beliau telah membaca amaran yang ditetapkan dalam statut dan dengan demikian keterangannya mengenai amaran itu boleh diterima oleh mahkamah tanpa apa-apa kecacatan. Hak untuk berdiam diri atau perlindungan terhadap inkriminasi diri (self-incrimination) yang dikanunkan dalam amaran statutori itu hendaklah dijelas dan diterangkan dan difahami sepenuhnya oleh OKT yang kebanyakannya tidak berapa memahami undang-undang. Adalah munasabah untuk dinyatakan bahawa seseorang OKT tidak akan dengan secara sukarela memberi pernyataan yang boleh membabitkan dirinya dengan suatu kesalahan terutama kesalahan yang membawa hukuman mati seperti kesalahan pengedaran dadah melainkan beliau benar-benar telah insaf dan bertaubat terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Oleh itu OKT perlu dibuktikan telah memahami amaran berkenaan sebelum keterangan itu dapat diterima masuk sebagai keterangan.

[52] Keterangan SP11 mengenai penemuan dadah di Kampung Semanggar Dalam, dalam beberapa aspek tertentu, adalah bercanggah dengan laporan polis (eks. P31) yang dibuatnya selepas dadah ditemui. Mengikut keterangan SP11, OKT membawa pasukan polis ke tempat di mana dadah itu ditanam di Kampung Semanggar Dalam dan apabila sampai di tempat berkenaan, OKT menunjukkan tempat itu dan berkata "Di sini". Sementara dalam eks. P31, SP11 menyatakan "Apabila sampai di suatu tempat di kawasan belukar tersebut, suspek telah menunjukkan dengan isyarat tempat dia menanam dan menyembunyikan bungkusan ganja." Tidak ada apa-apa penjelasan yang diberikan oleh pihak pendakwaan tentang pencanggahan ini. Pencanggahan ini, pada pandangan mahkamah boleh menjejaskan kredibiliti SP11.

[53] Mahkamah seterusnya berpendapat bahawa sekiranya pernyataan OKT tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan sekali pun, ia tidak boleh membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan terhadap dadah tersebut. Mengikut keterangan SP11, OKT membawa pasukan polis ke tempat di mana dadah itu ditanam di Kampung Semanggar Dalam dan apabila sampai di tempat berkenaan, OKT menunjukkan tempat itu dan berkata "Di sini". Keterangan tersebut hanya dapat menunjukkan bahawa OKT

mempunyai pengetahuan bahawa ganja tersebut ditanam di tempat itu tetapi tidak membuktikan bahawa dia adalah orang yang menanamnya dan mempunyai jagaan dan kawalan terhadap dadah itu. Perlu diingati bahawa kes kedua ini adalah berbangkit daripada kes pertama. Dalam kes pertama terdapat dua orang lagi yang dituduh bersama dengan OKT yang kemudiannya telah ditarik balik pertuduhan terhadap mereka. Dalam kes pertama, kedua-dua mereka (SP12 dan Encik Aliman Mujayin) berada bersama OKT apabila kereta itu berhenti di suatu tempat di Kampung Semanggar Dalam dan OKT dikatakan turun dan kembali dengan membawa suatu beg yang diletakkan dalam kereta dan mengandungi dadah. SP12 dalam keterangannya tidak dapat menafikan dengan tegas sama ada dia telah memberitahu pihak polis atau tidak tentang dadah yang ditanam di kawasan belukar Kampung Semanggar Dalam tersebut. Ada kemungkinan besar pihak polis telah mempunyai maklumat awal daripada salah seorang daripada mereka tentang persembunyian dadah itu.

[54] Dalam kes *Bhagirath v. State of MP* AIR [1959] MP 17, Hakim Chaturvedi menjelaskan pada ms 20 mengenai perbezaan perkataan-perkataan yang digunakan bagi membuktikan milikan:

> The different between "I have kept the ornaments inside that bush" and "the ornaments are kept or will be found inside that bush" can well be realized. While the first sentence connotes that the accused had exclusive possession of the ornaments, at least for sometime, after the theft, so that he was in position to keep these ornaments inside "that bush"; the second sentence would only imply that the accused person somehow acquired the knowledge about their whereabouts and his case will then come within the dictum laid down in para 7 of *Trimbali v. State of MP* AIR 1954 SC 39(E) and the discovery would not be regarded as conclusive proof that the accused was ever in possession of those ornaments.

[55] Dalam kes *PP lwn. Kasmin bin Soeb* [1074] 1 MLJ 230, fakta ringkas kes ialah OKT telah dituduh dengan satu pertuduhan pilihan kerana telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 411 Kanun Keseksaan. Menurut pihak pendakwaan, OKT telah secara curang menyimpan harta curi, iaitu sebuah generator Honda dengan mengetahui dan mempunyai alasan untuk mengetahui bahawa ia adalah harta curi. Keterangan yang boleh mengaitkan OKT dengan kesalahan ialah terdapatnya fakta bahawa tiga hari selepas kecurian berlaku, OKT telah membawa polis ke tempat di mana generator itu ditemui. Di akhir kes pendakwaan, Majistret

telah membebaskan OKT. Pihak pendakwaan membuat rayuan. Hakim Mohd Azmi (sebagaimana dia ketika itu) semasa menolak rayuan berkata:

> As far as leading the police to the place of discovery was concerned, there were at least two inferences that could be drawn in the absence of information given by the accused. Either the accused himself had hidden the stolen property there or he had come to know of its whereabouts through a third person. In a criminal case, the inference favourable to the accused should be drawn under the circumstances, the appeal is dismissed and the order of discharged and acquittal be affirmed.

[56] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dalam kes kedua. Oleh itu OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.